

Pemahaman Teks**Praktis PT3 Puisi Tradisional – Pantun Nasihat**

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- 1 Tanam balik buah peria,
Buah peria mahal sekali;
Buat baik **berpada-pada**,
Buat jahat jangan sekali.
- 2 Ketua-ketua raja duduk,
Jangan ditimpa papan;
Diketahui ganja itu **mabuk**,
Apakah sebab maka dimakan?
- 3 Meninjau berpadi masak,
Batang kapas bertimbal jalan;
Hati risau dibawa **gelak**,
Bagai panas mengandung hujan.
- 4 Pulau di balik Pulau Gosong,
Pandan di Jawa diranggungkan;
Jangan kata terdorong-dorong,
Badan dan nyawa menanggungkan.

- 5 Hangus bertih berwarna merah,
Mari dituang ke dalam kain;
Suami yang letih usah dimarah,
Kelak terbang ke bunga lain.
- 6 Anak Cina membawa surat,
Dari Perak langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli.
- 7 Pisang kelat digonggong helang,
Jatuh ke Lubuk Inderagiri;
Jikalau berdagang ke **rantau** orang,
Baik-baik membawa diri.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

- Pantun terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu pembayang dan maksud.
- Bagi pantun empat baris satu rangkap, dua baris pertama ialah pembayang dan dua baris kemudian ialah maksud.
- Pembayang biasanya menggunakan unsur alam seperti laut, pantai, dan sungai untuk tujuan menimbulkan keindahan.
- Bagi pantun kiasan ini, maksud pantun tidak dinyatakan secara terus tetapi dinyatakan secara ringkas.

Entri Kata

- **berpada-pada** – tidak berlebihan
- **mabuk** – tidak sedar akan diri
- **gelak** – ketawa
- **kelak** – nanti
- **rantau** – negeri asing

1. Mengapakah seseorang isteri dilarang untuk memarahi suami yang kepenatan?
 - A Akan dipukul oleh suami
 - B Isteri akan dimarahi oleh suami
 - C Suami akan mencari wanita lain
 - D Suami akan membawa diri ke tempat lain
2. Apakah harapan penyair menerusi rangkap ketujuh?
 - A Semoga setiap orang mengetahui adat resam walau di mana-mana dia berada
 - B Semoga para perantau pandai menyesuaikan diri di tempat orang
 - C Semoga setiap orang bijak berkata-kata supaya tidak menanggung malu
 - D Semoga setiap orang sentiasa berbuat baik dan tidak berbuat kejahatan
3. Antara yang berikut ialah imej alam yang terdapat dalam pantun, **kecuali**
 - A peria.
 - B papan.
 - C hujan.
 - D pulau.
4. Antara yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam pantun, **kecuali**
 - A kita hendaklah mengelakkan diri daripada terjebak dengan najis dadah.
 - B kita haruslah mematuhi adat masyarakat supaya dipandang mulia.
 - C kita hendaklah bersikap ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara.
 - D kita hendaklah pandai membawa diri semasa berada di perantauan.

Praktis **PT3** Prosa Tradisional – Pelanduk Mengajar Memerang

Baca petikan prosa di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sahut anak memerang itu, "Mak bapa hamba sudah mencari ikan akan makanan hamba sekalian ini."

Fikir Syah Alam di Rimba, "Itulah akan memerang ini, selalu sahaja ia membuat aniaya ke atas ikan-ikan itu, terlalu **runsing** hatiku mendengar pengaduannya kepada Nabi Allah Sulaiman; jikalau begitu, baiklah aku perbuat **pakatan** pula dengan dia."

Setelah sudah ia fikir itu, dengan takdir Allah Subhanahuwataala melakukan kudrat-Nya hendak memanjangkan cerita ini, bunyilah burung bubut terlalu banyak bunyinya bersahut-sahutan sahaja. Syah Alam di Rimba pun mengingatkan langkah pertikaman zaman dahulu kala cekak **perkelahian**. Ia pun **memencak** silat langkah gelombang dua belas, mengerinjing sahaja kakinya ke sana ke mari. Habislah dipijak-pijak anak memerang itu, ada yang patah kaki tangannya dan luka kepalanya, habis mati semuanya. Setelah dilihat Syah Alam di Rimba mati anak memerang itu, ia pun kembalilah ke tempatnya berdiam dirinya.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Binaan Plot

- Dalam sesebuah cerita, plot berkembang dalam empat peringkat:

- (a) *Pemulaan* – Bahagian pengarang memulakan cerita.
- (b) *Konflik* – Ditandai dengan kehidupan watak-watak yang mulai resah kerana menghadapi masalah.

- (c) *Klimaks* – Paling menarik dan saspens kerana segala permasalahan telah sampai kemuncak.

- (d) *Peleraian* – Bahagian pengakhiran cerita, iaitu semua masalah telah menemukan jalan penyelesaian.

Entri Kata

- **runsing** – gelisah
- **pakatan** – berpakat
- **perkelahian** – pergaduhan
- **memencak** – mengatur langkah

1. Ke manakah ibu bapa memerang pergi?
 - A Menghadap Nabi Allah Sulaiman
 - B Mencari makanan untuk anak-anaknya
 - C Mencari tempat persembunyian yang baharu
 - D Mencari anak-anaknya yang keluar untuk bermain
2. Antara yang berikut ialah teknik plot yang terdapat dalam petikan, **kecuali**
 - A teknik dialog.
 - B teknik imbas muka.
 - C teknik imbas kembali.
 - D teknik monolog dalaman.

3. Mengapakah Shah Alam di Rimba membuka pencak silat sehingga memijak anak-anak memerang sehingga mati?
 - A Terdengar akan paluan gendang yang dilakukan oleh burung bubut yang mengingatkannya peristiwa pergaduhan pada zaman dahulu kala
 - B Marah akan sikap mak dan bapa memerang yang sering menganiayai ikan-ikan
 - C Dititahkan oleh Nabi Allah Sulaiman supaya menghukum anak-anak memerang
 - D Mempertahankan dirinya daripada musuh yang datang untuk menyerang